

PELAJARAN 11 : ALLAH MAHA KAYA PENGURNIA REZEKI

- 1 Allah SWT yang mengurniakan rezeki ke atas semua makhluk-Nya. Pernyataan ini merujuk kepada maksud Allah swt bersifat
 - A Al- Qadir
 - B Al-Kholiq
 - C Ar-Razzaq
 - D Al-Musawwir
- 2 Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain merujuk kepada maksud
 - A Al Qawiyu
 - B Al Ghaniyyu
 - C Al Musowwir
 - D Al Qadir
- 3 Berikut adalah bukti Allah SWT bersifat al Ghaniyyu kecuali
 - A Allah SWT mencukupkan keperluan makhluk dengan kurniaanNYA
 - B Semua makhluk berhajat kepada Allah SWT dalam segala keadaan
 - C Allah SWT menguasai seluruh makhluk langit dan bumi
 - D Allah SWT melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-hambaNya
- 4 Al Razzaq dari segi bahasa bermaksud
 - A tidak memerlukan
 - B memberi rezeki
 - C memberi keperluan
 - D memberi kemudahan
- 5 Maksud tidak memerlukan yang lain merujuk kepada
 - A Ar-Rasul
 - B Ar-Razzaq
 - C Al Ilmu
 - D Al Ghani
- 6 Pilih pernyataan yang bukan menunjukkan Allah bersifat dengan nama Al Razzaq
 - A Allah memberi rezeki kepada manusia dan seluruh makhluk
 - B Allah tidak berhajat kepada ketaatan makhluk
 - C Allah menambahkan rezeki hambaNya yang bersyukur
 - D Allah menjamin rezeki hambaNya
- 7 Berikut adalah contoh rezeki zahir kecuali
 - A Pakaian
 - B Makanan
 - C kenderaan
 - D keselamatan